

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[IBN AL-MUQAFFA'S SOCIOLOGICAL APPROACH IN AL-ADAB AL-KABIR]

**PENDEKATAN SOSIOLOGI IBN AL-MUQAFFA'
DALAM KARYA AL-ADAB AL-KABIR**

NORILLAH ABDULLAH HASSIM¹

ZALIKA ADAM²

NURIZAN BAHARUM¹

NORAHIDA MOHAMED¹

¹Jabatan Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Pahang
Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS)

²Jabatan Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Malaysia (USIM)

*Corresponding Author: norahida@kuipsas.edu.my

Received Date: 15 June 2021 • Accepted Date: 15 December 2021

Abstract

Al-Adab al-Kabir is one of Ibn al-Muqafa's most famous works in Arabic literature, particularly in the art of prose. This work is also morally significant and provides insight into human behavior. As a result, this research was carried out to determine Ibn al-Muqaffa's sociology method in Al-Adab al-Kabir. A qualitative technique is used in this research. The primary data came from the original publication, as well as books and journals pertinent to the study's theme. Thematic analysis was utilised to study Ibn al-Muqaffa's method, which resulted in the formation of criteria and themes. The findings reveal that Ibn al-Muqaffa's sociology approach in al-Adab al-Kabir is based on social standing, language strength, knowledge, and inventiveness.

Keywords: Ibn al-Muqaffa', al-Adab al-Kabir, sociological perspective, Arabic literature.

Abstrak

Karya al-Adab al-Kabir merupakan antara karya Ibn al-Muqafa' yang paling terkenal dalam kesusasteraan Arab secara amnya dan khususnya dalam seni prosa. Karya ini juga mempunyai nilai akhlak yang tinggi dan pengetahuan tentang manusia dan tingkah laku sosialnya. Justeru kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti pendekatan sosiologi Ibn al-Muqaffa' dalam karya al-Adab al-Kabir. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Data utama diperolehi daripada manuskrip asal disamping buku-buku dan jurnal-jurnal yang relevan dengan tajuk kajian. Data dianalisis menggunakan analisis tematik yang membentuk kriteria dan tema untuk meneliti pendekatan yang digunakan oleh Ibn al-Muqaffa'. Hasil kajian menunjukkan pendekatan sosiologi yang digunakan Ibn al-Muqaffa' dalam karya al-Adab al-Kabir adalah melalui status sosial, kekuatan bahasa, pengetahuan dan kreativiti.

Kata kunci: Ibn al-Muqaffa', al-Adab al-Kabir, pendekatan sosiologi, karya sastra Arab.

Cite as: Norillah Abdullah Hassim, Zalika Adam, Nurizan Baharum & Norahida Mohamed. 2021. [Ibn al-Muqaffa's Sociological Approach in al-Adab al-Kabir] Pendekatan Sosiologi Ibn al-Muqaffa' dalam Karya al-Adab al-Kabir. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 22(3): 187-194.

PENGENALAN

Nama penuh Ibn al-Muqaffa' ialah Abdullh Ruzbih ibn Daduyah. Beliau merupakan penduduk Basra yang berasal dari wilayah Fars di Iran. Beliau digelar Ibn al-Muqaffa' kerana ayah beliau dijatuhi hukuman dengan tangannya dihancurkan oleh pemerintah ketika itu dan dikenali sebagai (مقفع البدين). Ibn al-Muqaffa' merupakan seorang tokoh penulis muda yang berada pada tempat paling hadapan pada zamannya dalam bidang seni prosa (Hussein Al-Hajj Hassan, t.th). Al-Adab al-Kabir merupakan sebuah karya ulung sastera Arab yang mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Hal ini kerana ia dihasilkan pada zaman Abbasiyah yang membahagikan sasterawan kepada dua golongan utama; golongan saterawan yang mengagungkan keseronokan dan golongan saterawan yang mengasingkan diri daripada dunia dan berlebih-lebihan dalam tasawuf. Pembahagian golongan saterawan tersebut telah menyebabkan masyarakat menjadi celaru hasil daripada idealogi-ideologi yang diserap ke dalam masyarakat ketika itu. Berdasarkan situasi tersebut, Ibn al-Muqaffa' bangkit sebagai seorang pengkritik sosial melalui al-Adab al-Kabir bertujuan untuk mendidik masyarakat terutama golongan pemerintah supaya menjadi komuniti masyarakat yang ideal.

Melalui pendekatan sosiologi dalam karya al-Adab al-Kabir ini, Ibnu Al-Muqaffa' berjaya menarik perhatian masyarakat walaupun konsep yang dibawa beliau bertentangan dengan kebiasaan, permintaan, amalan dan pemahaman dunia sastera dan masyarakat ketika itu. Oleh kerana itu terdapat kritikan-kritikan secara langsung ditujukan kepada golongan bangsawan, berpengaruh dan berkuasa melalui kekuatan bahasa yang dimiliki dan perkongsian pengalaman yang dilaluinya.

BIOGRAFI IBN AL-MUQAFFA'

Ibn al-Muqaffa berasal dari kota Goor (atau Gur, Firuzabad, Fars) di wilayah Fars di Iran dan dilahirkan oleh keluarga terkenal. Ayahnya pernah menjadi pegawai negeri yang bertanggung jawab atas cukai di bawah pemerintahan Bani Umayyah, dan setelah dituduh dan disabitkan dengan kesalahan menggelapkan sejumlah wang yang diamanahkan kepadanya, dia dihukum oleh pemerintah dengan tangannya dihancurkan dan digelar dengan (مقفع البدين).

Ibn al-Muqaffa berkhidmat di bawah pemerintahan Bani Umayyah Shapur dan Kirman. Tidak seperti rakan-rakannya yang lain, beliau terlepas dari penganiayaan orang-orang Abbasiyah setelah penggulingan dinasti Umayyah. Beliau kemudian kembali ke Basrah dan bertugas sebagai setiausaha di bawah Isa ibn Ali dan Sulaiman ibn Ali, bapa saudara kepada khalifah al-Mansur.

Setelah Abdullah ibn Ali memegang takhta pemerintahan, mereka meminta Ibn al-Muqaffa' menulis surat kepada khalifah agar tidak membalas dendam terhadap bapa saudaranya serta memaafkannya. Bahasa surat itu telah menyinggung perasaan al-Mansur

sehingga membuatnya berhasrat menyingkirkan Ibn al-Muqaffa. Ibn al-Muqaffa' akhirnya dihukum mati sekitar tahun 756M atau 759M oleh gabenor Basrah (Arjomand, 1994).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Data utama diperoleh daripada manuskrip asal iaitu buku *al-Adab al-Kabir* disamping buku-buku dan jurnal-jurnal yang relevan dengan tajuk kajian. Data dianalisis menggunakan analisis tematik yang membentuk kriteria dan tema untuk meneliti pendekatan yang digunakan oleh Ibn al-Muqaffa'. Analisis tematik adalah kaedah analisis data kualitatif yang popular. Kaedah ini telah banyak digunakan dalam pelbagai bidang penyelidikan kerana kebolehcapaiannya dan fleksibiliti. Salah satu objektif utama analisis tematik adalah membina beberapa tema set data (Kristanto & Padi, 2020). Analisis tematik ini dimulakan dengan menganalisis data dan diikuti oleh proses memasuki bahagian pembinaan kod dan diakhiri dengan bahagian pemaparan data dalam bentuk jaringan bagi memudahkan pembaca untuk meneliti penemuan kajian yang diperoleh (Mohamad & Abdullah, 2018).

KARYA AL-ADAB AL-KABIR

Pada asalnya karya ini tidak mempunyai berjudul. Karya ini diberi judul selepas zaman Ibn al-Muqaffa'. Karya ini diberi judul "*al-Durrah al-Yatimah*" pada permulaannya kemudian diberi dengan judul "*al-Adab al-Kabir*". Dalam kitab "*al-I'jaz*" karangan al-Baqalani, menyatakan bahawa karya *al-Adab al-Kabir* terpengaruh dengan kebudayaan Parsi.

Karya ini telah disunting oleh Ahmad Zaki Basha yang telah menjadikan bahasa karya ini lebih mudah difahami dengan memelihara keaslian makna asal karya tersebut.

Karya ini turut disunting oleh Muhammad Hasan Al-Marsafi daripada Muassasah al-Handawi, Mesir. Beliau mengemas kini karya tersebut dengan membahagikannya kepada dua bahagian; Bab Pertama: ((في السلطان)), yang mengandungi dua sub topik iaitu ((في آداب السلطان)) dan ((في الأصدقاء)). Manakala Bab Kedua: ((في صحبة السلطان)) dan ((فيه مطالب)).

PENDEKATAN SOSIOLOGI DALAM KARYA AL-ADAB AL-KABIR

Pelbagai definisi telah diketengahkan oleh para pengkaji mengenai definisi sosiologi. Antaranya ialah definisi oleh De Fleur dan D'Antonio yang mendefinisikan sosiologi sebagai percubaan untuk meneliti tingkah laku sosial manusia secara sistematik (Taha Hussien, 2004). Manakala Soedirman mendefinisikan sosiologi sebagai satu ilmu tentang pergaulan hidup manusia. Menurut Pitirim Sorokin pula sosiologi ialah ilmu yang mempelajari hubungan dan juga pengaruh dari timbal balik gejala sosial dalam masyarakat (Waluya, 2007). Allan Johnson pula melihat bahawa sosiologi merupakan satu ilmu yang mengkaji secara khusus sistem sosial dan bagaimana sistem sosial itu dapat mempengaruhi orang lain (Johnson, 1997). Justeru, dapat disimpulkan bahawa sosiologi ialah ilmu yang mengkaji tentang masyarakat secara keseluruhan yang merangkumi hubungan individu dengan komuniti, hubungan komuniti dengan komuniti termasuk interaksi sosial budaya, stratifikasi, birokrasi, populasi, peranan jantina dan umur, tingkah laku, ekologi, politik dan kuasa, nilai dan norma (Ahmed Hussein, 1978).

Kajian lepas membuktikan bahawa masyarakat era Abbasiyah merupakan masyarakat yang keseluruhannya hidup dalam kerosakan akhlak terutama golongan sasterawan yang dikatakan penyumbang utama kepada berlakunya kerosakan dalam masyarakat ketika itu. Malah hasil-hasil karya mereka juga sangat jauh daripada membumikan masyarakat dengan nilai-nilai murni sosial. Walaubagaimanapun terdapat ramai sasterawan yang mempersembahkan nilai-nilai murni kepada masyarakat melalui hasil-hasil karya (Ismail Naderi, 2009) sepertimana yang diketengahkan oleh Ibn al-Muqaffa' (Kristó-Nagy, 2009).

Ibn al-Muqaffa' merupakan salah seorang penulis yang menggunakan pendekatan sosiologi dalam karya-karyanya walaubagaimanapun kajian-kajian lepas lebih tertumpu kepada sumbangan beliau dalam aspek kesusasteraan dan sangat sedikit pengkaji yang membincangkan tentang pemikiran beliau dalam politik dan pembaharuan sosial (Somad Rezaei, 2015).

Pendekatan sosiologi yang diterapkan oleh Ibn al-Muqaffa' dalam karyanya melalui perkataan 'akhlak' (الأخلاق) sebagai perkataan seerti bagi 'sastera' (الأدب). Dalam karya *al-Adab al-Kabir* beliau mengupas situasi masyarakat yang bergelut antara kealpaan dengan keseronokan dunia dan kezuhudan yang melampaui batas. Beliau turut mengupas isu-isu moral yang menyimpang dari norma kehidupan serta memberi gambaran yang jelas tentang dimensi-dimensi buruk dalam masyarakat (Tannous, 1981).

Al-Adab al-Kabir adalah bukti cinta Ibn al-Muqaffa' terhadap 'Sastera Hikmah' (الأدب الحكي) dan kecenderungannya berkarya tentang moral dan akhlak. Justeru itu melalui pendekatan analisis tematik terhadap karya ini pendekatan sosiologi yang diaplikasikannya dalam karya *al-Adab al-Kabir* dapat dijelaskan seperti berikut:

a. Islah terhadap pemerintahan dan masyarakat.

Beliau secara berterus terang telah menjelaskan idea dan objektif utamanya daripada penulisan *al-Adab al-Kabir* iaitu memperbetulkan pentadbiran kerajaan dan masyarakat serta memperkasakan taraf hidup masyarakat dari aspek akhlak dan kerohanian (Somad Rezaei et al. 2015) dengan menulis:

((وأنا واعظك في أشياء من الأخلاق اللطيفة))

Pernyataan Ibn Al-Muqaffa' terhadap matlamatnya adalah jelas dan spesifik iaitu mahu memberi bimbingan dan nasihat supaya masyarakat berpegang kepada nilai-nilai moral dan akhlak yang tinggi. Matlamat ini turut dijelaskan dalam mukadimah karyanya dengan menulis,

((فمن ذلك بعض ما أنا كاتب في كتابي هذا من أبواب الأدب التي يحتاج إليها الناس))

Perkataan *al-Adab* yang ini digunakan oleh Ibn Al-Muqaffa' adalah merujuk kepada ciri-ciri kesempurnaan dari aspek ilmu dan nilai-nilai murni orang terdahulu yang patut dicontohi oleh masyarakat dengan menulis:

((فمُنْتَهَى عِلْمِ عَالِمِنَا فِي هَذَا الزَّمَانِ أَنْ يَأْخُذَ مِنْ عِلْمِهِمْ، وَغَايَةَ إِحْسَانِ مُحْسِنِنَا أَنْ يَقْتَدِيَ بِسِيرَتِهِمْ))

b. Realiti kehidupan sebenar masyarakat.

Ibn Al-Muqaffa' telah menjadikan *al-Adab al-Kabir* sebuah karya realisme dengan mengambil realiti kehidupan sebenar masyarakat pada zaman beliau (Sari, 2020). Beliau telah menonjolkan realiti kehidupan golongan masyarakat era transisi Umayyah ke Abbasiyah khususnya gaya hidup golongan bangsawan dan keadaan politik serta pentadbiran. Situasi tersebut digambarkan oleh Ibn al-Muqaffa' dalam pernyataan di bawah.

((وأنا واعظك في أشياء من الأخلاق اللطيفة والأمور الغامضة، التي لو حَكَمْتَك سِنَّ كُنْتَ خَلِيفًا أَنْ تَعْلَمَهَا، وَإِنْ لَمْ تُخْبِرْ عَنْهَا، وَلَكِنِّي قَدْ أَحْبَبْتُ أَنْ أُقَدِّمَ إِلَيْكَ فِيهَا قَوْلًا لِتَرَوْضَ نَفْسَكَ عَلَى مَحَاسِنِهَا، قَبْلَ أَنْ تَجْرِيَ عَلَى عَادَةِ مَسَاوِيهَا، فَإِنَّ الْإِنْسَانَ قَدْ تَبَنَّرَ إِلَيْهِ فِي شَبِيبَتِهِ الْمَسَاوِي، وَقَدْ يَغْلِبُ عَلَيْهِ مَا بَدَرَ إِلَيْهِ مِنْهَا لِلْعَادَةِ، فَإِنَّ لِتَرْكِ الْعَادَةِ مَثْوَنَةً شَدِيدَةً وَرِيضَةً صَعِبَةً))

Pernyataan di atas menunjukkan usaha Ibn al-Muqaffa' untuk mengubah keadaan masyarakat ketika itu kepada keadaan yang lebih baik. Lafaz (العادة) atau diterjemahkan kepada (kebiasaan) menunjukkan bahawa pemuda-pemuda ketika itu sudah biasa dengan tingkah laku yang negatif sehingga sukar untuk mengubahnya. Justeru, karya ini merupakan manifestasi terhadap harapan Ibn al-Muqaffa' agar karyanya menjadi panduan kepada masyarakat untuk berubah ke arah yang lebih baik dari sudut keperibadian.

Karya ini turut memuatkan teguran-teguran terhadap golongan pemerintah dan bangsawan yang mempengaruhi gaya hidup masyarakat ketika itu. Hal ini bersesuaian dengan situasi politik zamannya yang tidak stabil. Sumber-sumber rujukan membuktikan kerajaan Abbasiyah semasa pemerintahan Abu al-Abbas al-Soffah (132-136 H/749-754M) dan Abu Ja'far al-Mansur (136-158 H/754-775 M) telah mengalami kemerosotan sosial walaupun ilmu pengetahuan semakin berkembang. Faktor ini telah mendorong Ibn Al-Muqaffa' menjadikan bab pertama *al-Adab al-Kabir* bertajuk (في السلطان) yang mengandungi nasihat dan teguran berkaitan akhlak kepada golongan pemerintah. Tujuan teguran ini adalah untuk memperbaiki keadaan politik memandangkan golongan pemerintah mempunyai pengaruh yang kuat dalam masyarakat.

c. Penulisan Berdasarkan Pengalaman

Karya sastera dihasilkan berdasarkan pengalaman daripada penemuan, percubaan dan pengamatan penulisnya (Putih, 2001). Ibnu Al-Muqaffa' juga telah mengadaptasi pengalaman sendiri dalam karya *al-Adab al-Kabir*. Pengalamannya sebagai penulis, pemikir dan pegawai dalam pemerintahan kerajaan Bani Abbasiyah mendekatkan dirinya dengan golongan pemerintah dan rakyat pada masa yang sama. Malah Ibnu Al-Muqaffa' sendiri dikategorikan dalam komuniti sasterawan yang ketika itu begitu berpengaruh terhadap masyarakat. Justeru, pandangan dan idea yang digarap dalam *al-Adab al-Kabir* merupakan hasil daripada pengalaman sebenar Ibnu Al-Muqaffa' berinteraksi dengan masyarakat ketika itu.

d. Menekankan kepentingan ilmu.

Idea ini ditonjolkan dengan jelas oleh Ibn al-Muqaffa' dalam sub topik

((في الحث على تعرف أصل العلم وفصله))
 ((في ترغيب النفس في العلم وبيان الأنفع منه))

Ilmu pengetahuan merupakan salah satu aspek sosial yang memainkan peranan penting bagi sesuatu tamadun. Peranan ilmu pengetahuan juga penting bagi seseorang mengubah tingkah laku ke arah yang lebih baik (Soelaiman & Putra, 2019) Selain itu Ibn al-Muqaffa' turut menegaskan tentang kewajipan masyarakat Islam mendapatkan sumber ilmu daripada sumber yang betul.

e. Pendekatan melalui kritikan

Kritikan dalam karya sastera berguna untuk menyediakan bahan sejarah dan teori sastera (Anwar, 2018). Hal ini bertepatan dengan pendekatan Ibnu Al-Muqaffa' yang turut memberi nasihat melalui kritikan sama ada secara langsung atau tidak langsung terhadap tingkah laku masyarakat ketika itu. Kritikan-kritikan ini dapat dilihat dengan jelas daripada setiap sub topik dalam karya ini. Antara sub topik yang jelas menonjolkan kritikan beliau terhadap pemerintah ialah:

((في تحذير السلطان من الإفراط في الغضب والتسرع في الرضى))
 ((في تحذير مما لم يُبَيَّن على حزم من أعمال السلطان))
 ((في تحذير السلطان من أمات الرذائل: الغضب والكذب والبخل وكثرة الحلف))

f. Menekankan adab berkomunikasi

Komunikasi merupakan elemen penting dalam hubungan sosial kerana setiap individu perlu berkomunikasi untuk menyampaikan ideanya, ilmunya dan pengalamannya kepada orang lain agar aktiviti sosial berlaku dengan baik (Muchtar et al., 2016). Berdasarkan kesedaran tersebut Ibn al-Muqaffa' telah menyenaraikan pelbagai adab komunikasi yang bersesuaian mengikut kelompok masyarakat dan situasi yang berbeza. Idea ini dinyatakan dengan jelas dalam setiap sub topik karya ini seperti:

((في الحرص على الاستماع))
 ((في التحذير مما يجرح قلب الجليس من ألفاظ الذم والتشهير))
 ((في آداب المجالسة))
 ((في الحرص على اتحاد الإخوان وتعهد المعروف))

KESIMPULAN

Karya *al-Adab al-Kabir* terhasil daripada minat yang mendalam Ibn Al-Muqaffa' terhadap gaya hidup dan aktiviti sosial yang menjadi amalan masyarakat sekelilingnya yang kemudiannya disampaikan dalam bentuk kritikan.

Status sosial Ibn Al-Muqaffa', pendidikan serta keadaan masyarakatnya ketika itu, membuatkan Ibn Al-Muqaffa' telah mendeskripsikan masalah sosial dengan teliti terutamanya isu pentadbiran kerajaan dan kepincangannya. Ini kerana Ibn Al-Muqaffa' melihat golongan pegawai yang menguasai pentadbiran mempunyai kuasa untuk meletakkan undang-undang yang berfungsi sebagai medium untuk mengawal sosial. Justeru adalah penting bagi pegawai-pegawai pentadbiran kerajaan menjadi contoh akhlak dan bertanggungjawab untuk mewujudkan rasa aman dalam kalangan rakyat.

Justeru, *al-Adab al-Kabir* merupakan dokumentasi sosial yang boleh dijadikan sumber pengetahuan mengenai budaya, adat dan amalan masyarakat era ambang Abbasiyah yang ketika itu merupakan era transisi daripada pentadbiran Umayyah kepada pentadbiran Abbasiyah. Ianya mampu memberi sumbangan untuk memperjelaskan situasi masyarakat dengan menggambarkan situasi sebenar masyarakat dan isu-isu yang berkaitan dengannya. Jelas bahawa karya ini membawa harapan Ibn al-Muqaffa' untuk membantu perkembangan dan perubahan masyarakat dari suatu keadaan yang tidak seimbang kepada keadaan yang lebih progresif.

RUJUKAN

- Ahmed Hussein. 1978. *Tarikh al-Adab al-Arabiyy*. Beirut: Dar al-Thaqafah.
- Al-Hashimi, Ahmad. *Jawahir al-Adab Fi Adabiyyat wa Insha' Lughat al-'Arab*. Bayrut: Manshurat Mu'assasat al-Ma'arif.
- Al-Jinan, Ma'mun Mahy al-Din. 1993. '*Abd Allah ibn al-Muqaffa' Hayatuhu, Atharuhu, Adabuhu*'. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Arjomand, S. A. 1994. '*Abd Allah ibn Al-Muqaffa' and The 'Abbasid Revolution*'. *Iranian Studies* 27(1-4): 9-36.
- Febrina Anwar & Ahmad Syam. 2018. Kritik Sosial Dalam Naskah Drama Alangkah Lucunya Negeri Ini Karya Deddy Mizwar. *Jurnal Bahasa dan Sastra* 3(6): 1-15.
<https://mawdoo3.com/%D9%85%D9%> Dilihat pada Jun 2020
https://en.wikipedia.org/wiki/Ibn_al-Muqaffa'%27 Dilihat pada Jun 2020
- Husayn al-Haj Hasan. *A'lam Fi al-Nathar al-Adabiyy*. Al-Mu'assasah al-Jami'iyah li al-Dirasat wa al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Ibn al-Muqaffa', Abdullah. 2019. *Al-Adab al-Saghir wa al-Adab al-Kabir*. Bayrut: Dar Sodik.
- Isma'il Nadari. Al-Qiyam al-Insaniyyah wa al-Ijtimaiyyah fi al-Adab al-Abbasiyy. *SID* 1(2): 169-179.
- Johnson, A. G. 1997. *The Forest And The Trees: Sociology As Life, Practice, And Promise*. t.tp.: Temple University Press.
- Kristanto, Y. D., & Padmi, R. S. 2020. *Analisis Data Kualitatif: Penerapan Analisis Jejaring Untuk Analisis Tematik Yang Cepat, Transparan, Dan Teliti*. t.tp.: t.pt.

- Kristó-Nagy, I. 2009. Reason, Religion and Power in Ibn al-Muqaffa'. *Acta Orientalia* 62(3): 285–301.
- Mohamad, M. Z., & Abdullah, A. H. 2018. Analisis Tematik Dalam Pembelajaran Dan Pemudahcaraan (Pdpc) Proses Penulisan Karangan Argumentatif Berasaskan Kbat: Pemahaman Dan Amalan Pedagogi Guru Bahasa Melayu Tingkatan Empat. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam*, hlm. 7, 8.
- Muchtar, K., Koswara, I., & Setiawan, A. 2016. Komunikasi Antar Budaya Dalam Perspektif Antropologi. *Jurnal Manajemen Komunikasi* 1(1).
- Putih, O. 2001. *Penulisan Kreatif: Teori, Pengalaman, Cabaran*. Utusan Publications.
- Samad Raza'i. 2015. Al-Ittijah al-Islahiy fi Afkar Ibn al-Muqaffa' al-Siyasiyyah. *Majallah al-Dirasah fi al-U'lum al-Insaniah* 1(22).
- Sari, H. 2020. Aliran Realisme dalam Karya Sastra Arab. *Diwan: Jurnal Bahasa Dan Sastra Arab* 12(1), 1–14.
- Shawqi Dif. *Al- 'Asr al- 'Abbasiy al-Awwal*. Mesir: Dar al- Ma'arif.
- Soelaiman, D. A., & Putra, R. S. 2019. *Filsafat Ilmu Pengetahuan Perspektif Barat Dan Islam*. t.tp.: t.pt.
- Taha Husayn. 2004. *Min Hadith al-Syi'ri wa al-Nathar*. t.tp.: Dar al-Ma'arif.
- Tannous, Wahab. 1981. *Fi al-Nathar al-Abbasiyy*. Halab: Jami'at Halab.
- Waluya, B. 2007. *Sosiologi: Menyelami Fenomena Sosial Di Masyarakat*. t.tp.: PT Grafindo Media Pratama.